

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 March 2016

AHMAD ABU BAKAR (tengah) dan isteri, Datin Rozita Awang Ngah dengan sebahagian ahli konvoi motosikal berkuasa tinggi, anak-anak asnaf dan penduduk kampung dalam program CSR UDA Ride 2016 di Kompleks Budaya Pulau Keladi, Pekan, Pahang, semalam. - UTUSAN/MAHATHIR ALI



UDA, Ancasa Royale Hotel bekerjasama jadikan tarikan baharu pelancong

Rumah kelahiran Tun Razak

Oleh ZAMZURINA AHMAD
zamzurinaahmad@gmail.com

■ PEKAN 6 MAC

UDA Holdings Berhad (UDA Holdings) dan Hotel Ancasa Royale di sini memperlekenalkan rumah kelahiran Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein di Kampung Pulau Keladi, di sini sebagai destinasi menarik perlu dilawati setiap pelancong yang berkunjung di daerah ini.

Pengarah Urusan Kumpulan UDA Holdings, Datuk Ahmad Abu Bakar berkata, rumah yang dikenali sebagai Rumah Tun Abdul Razak (RTAR) itu terletak di dalam Kompleks Tenun Pahang dan dilihat mempunyai keunikan serta nilai estetika tersendiri.

"Kami akan membantu melakukan kerja-kerja pembersihan dari semasa ke semasa kerana rumah berkenaan merupakan destinasi menarik yang dimasukkan dalam pakej pelancongan di bandar diraja ini.

"Selain itu, kami akan memeriahkan pelbagai aktiviti pelancongan di daerah ini yang cukup terkenal sebagai hub automotif termasuk program bergolongan asnaf seperti diadakan hari ini," katanya.

Beliau berucap demikian pada majlis Kembara Amal Bermotosikal UDA Ride 2016 Bersama Media dan Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Penghuni Rumah Penyayang Tun Razak di Kompleks Tenun Pulau Keladi di sini.

Dalam majlis tersebut, seramai 60 anak-anak asnaf berpeluang menaiki motosikal berkuasa tinggi mengelilingi daerah ini dan masing-masing menerima sumbangan daripada UDA Holdings serta peserta Kembara Amal Bermotosikal berkenaan.

Seramai 104 penunggang motosikal berkuasa tinggi terlibat termasuk 30 peserta daripada pengamal media.

Menurut Ahmad, program seperti itu yang bermula semalam dapat menyuntik semangat berpasukan dan sifat penyayang serta prihatin kepada masyarakat sekeliling.

"Kita akan jadikan program ini sebagai acara tahunan kerana melaluinya syarikat dapat membina perpaduan yang erat antara UDA Holdings dan masyarakat Pekan.

"Program dua hari satu malam ini bermula dengan konvoi dari Kuala Lumpur ke Pelindung Heights, Kuantan dan seterusnya ke Pekan," ujar beliau.

Um - 7/3/2016